

PM: KALAU DIKTATOR CALON BEBAS TIDAK MENANG

Saya tidak menyangka
SIK 27 Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, jika beliau benar seorang diktator yang mengamalkan pemerintahan kuku besi, calon Bebas tidak akan memenangi sebarang pilihanraya di negara ini.

Tanpa merujuk secara langsung kepada pilihanraya kecil Johor Baharu di mana calon Bebas, Datuk Shahrir Samad mengalahkan Barisan Nasional, Perdana Menteri menegaskan:

“Dalam negara yang mengamalkan pemerintahan kuku besi tidak ada calon Bebas atau calon-calon dari parti lain yang menang kecuali calon kerajaan.”

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, hakikat bahawa calon yang bukan dari parti kerajaan boleh menang dalam pilihanraya di negara ini membuktikan tidak ada pemerintahan kuku besi di sini.

Katanya, calon parti kerajaan boleh kalah jika rakyat menolaknya dan ini tidak berlaku di negara autokratik dan diktator.

Semasa berucap merasmikan pelancaran SEMARAK peringkat Negeri Kedah di Taman Perangin di sini, beliau berkata di negara-negara diktator kemenangan calon parti kerajaan adalah 99.9 peratus terjamin.

Beliau berkata bahawa pilihanraya di negara ini diadakan secara jujur dan ikhlas dan bukan pilihanraya olok-olok yang diadakan di negara diktator.

Katanya, di Malaysia, calon-calon bukan daripada parti kerajaan juga bebas “ke sana, ke sini, melempar fitnah, ugut serta bebas berkempen.”

Kekalahan calon parti kerajaan juga membuktikan bahawa tidak ada penipuan berlaku dalam pilihanraya di negara ini.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, terdapat tohmahan kononnya kerjaan sekarang, khususnya beliau, adalah diktator.

“Bukti-bukti ini menunjukkan mereka (orang-orang yang menyebarkan tohmah itu) adalah ahli-ahli pembohong, penipu dan menakut-nakutkan rakyat kerana kepentingan diri mereka sendiri,” kata beliau.

Perdana Menteri seterusnya menegaskan bahawa sesiapa juga bebas bertanding dalam pilihanraya dan tidak ada larangan bagi orang-orang tertentu untuk menyertai mana-mana parti politik, lantas membuktikan bahawa kerajaan percaya kepada kecekapan rakyat memilih wakil-wakil mereka.